



09 JUN, 2025

## Reformasi GLC wajar dilaksanakan segera



Utusan Malaysia, Malaysia

# Reformasi GLC wajar dilaksanakan segera

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan disaran melaksanakan audit menyeluruh terhadap semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi menilai tahap kecekapan, potensi serta sumbangan sebenar mereka terhadap ekonomi negara.

Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Mohamad Idham Md. Razak berkata, langkah itu penting bagi mengenal pasti GLC yang masih relevan dan berpotensi tinggi agar sumber negara tidak dibazirkan kepada entiti yang tidak lagi strategik.

"GLC yang tidak produktif perlu disusun semula, diwastakan atau digabungkan manakala GLC yang berada dalam sektor kritikal seperti tenaga, digital serta logistik wajar diberi galakan untuk berkembang di peringkat global.

"Pendekatan lebih dinamik seperti pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), selain kerjasama antarabangsa boleh membantu melonjakkan daya saing dan sumbangan GLC kepada Keleuaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, media melaporkan syarikat GLC gergasi negara, Petroliam Nasional Bhd (Petronas) mengumumkan akan mengurangkan 10 peratus pekerja dengan anggaran 5,000 pekerja dalam proses penstrukturkan semula syarikat minyak negara itu.

Tambah Mohamad Idham, kerjasama antara GLC dan sektor swasta terutama dalam bidang teknologi tinggi perlu diperluaskan dengan tadbir urus yang lebih telus dan berorientasikan prestasi.

"GLC seharusnya bukan sekadar mengisi kekosongan pasaran tetapi menjadi pemangkin daya saing negara," katanya.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Ekonomi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, keperluan untuk menilai kepada kemampuan syarikat GLC perlu dilakukan dengan melihat kepada penerokaan bidang baharu seperti telekomunikasi, guna tenaga baru, kecerdasan buatan, teknologi hijau dan e-pertanian.

"Berdasarkan penilaian kemampuan syarikat-syarikat GLC yang mempunyai R&D yang baik serta kepakaran dalam bidang berkaitan mampu memberi mereka ruang dan peluang dalam menjadi perintis dan hub kepada sektor ini di Asia Tenggara.

"Peningkatan sektor-sektor ini memainkan peranan secara kritikal terhadap KDNK negara secara jitu dan mampan," katanya.

Tambah Bashir, selain dari Petronas terdapat beberapa syarikat GLC yang kukuh dan mampu untuk memberi impak positif kepada KDNK negara.

"Syarikat seperti Khazanah, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam sektor tenaga, institusi kewangan seperti Maybank, CIMB, Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi."

"Sektor-sektor yang diwakili oleh syarikat ini seperti boleh memberi nafas dan anjakan paradigma terhadap pendapatan negara secara berterusan," katanya.